



Misteri belanak mati

■ Ratusan ikan terdampar di Sungai Tonggak timbulkan tanda tanya



IKAN belanak ditemui mati di Sungai Balok Makmur dan Sungai Tonggak, semalam.

Oleh Khairulmizan Yahya
am@hmetro.com.my
Kuantan

Selepas kejadian Sungai Balok, di sini, yang bertukar merah dipercayai akibat pencemaran bauksit minggu lalu, penduduk di kawasan itu sekali lagi gempar apabila ratusan ikan mati di Sungai Tonggak yang bersambung ke sungai berkenaan, semalam. Situasi itu me-

nimbulkan kegusaran dan persoalan di kalangan penduduk sama ada kejadian itu ada kaitan dengan fenomena 'laut merah' atau pencemaran sisa kilang dari Kawasan Perindustrian Gebeng, di sini.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Balok Makmur Abdul Rahman Ali berkata, kejadian itu disedari penduduk setempat jam 7.30 pagi ketika air surut dan mereka terkejut melihat ratusan ikan belanak terdampar di tengah sungai berkenaan.

"Memang sungai ini keruh dan merah pada hari sebelumnya, tetapi setahu saya tiada 'stockpile' (tempat penyimpanan) bauksit di sepanjang sungai ini dan mungkin kekotoran di jalan mengalir ketika hujan.

"Saya tidak tahu punca sebenar kejadian itu, tapi dan minta pihak berkuasa siasat," katanya.

Penduduk, Ab Razak Musa, 56, dari Taman Seberang Balok, di sini, berkata, kejadian itu kali kedua berlaku sejak empat tahun lalu, tetapi kali ini jumlah ikan mati lebih banyak.

"Ada penduduk gemar menjala selain kanak-kanak yang memancing, tetapi sekali kami tidak tahu apa punca kejadian ini, kami terus dibelenggu kebimbangan," katanya.

Katanya, keputusan ujian terhadap sampel ikan dan air sungai itu penting supaya tidak timbul spekulasi terutama ketika isu bauksit hangat diperkatakan.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Pahang, Adnan Hussain berkata, pihaknya menghantar pegawai ke lokasi kejadian untuk menyiasat susulan aduan orang ramai.

"Pemerhatian mendapati memang ada ikan belanak mati di sungai berkenaan, te-

tapi jumlahnya kecil dan mungkin dihanyutkan air ketika pegawai kami tiba.

"Tiada ikan besar mati, hanya ikan kecil dan keadaan ini cuma berlaku di Sungai Tonggak, tanpa membabitkan sungai lain.

"Kejadian ini disahkan tiada kaitan dengan kelodak dan lumpur tapi siasatan lanjut diteruskan, mungkin dalam tempoh seminggu laporan penuh siap.

"Kami mengambil sampel air dan menguji beberapa parameter seperti kadar oksigen terlarut, tahap keke-ruhan air dan nilai pH air di kawasan terbabit dan setakat ini ia bukan kejadian luar biasa," katanya, di sini, semalam.

Tunggu pelan tindakan

Kuantan: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kerajaan Pahang mengumumkan pelan tindakan menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan perlombongan bauksit di negeri ini.

Pelan itu yang dibentuk dan diumumkan nanti menjadi penyelesaian terbaik selepas menimbulkan kemarahan orang ramai khususnya penduduk kawasan Pelabuhan Kuantan, dekat sini.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pengumuman mengenai hala tuju kegiatan perlombongan bauksit di negeri ini dibuat selepas pelan tindakan berkenaan dikeluarkan.

"Tunggulah bila kita keluar pelan tindakan, sementara itu siar apa nak (hendak) siar," katanya menerusi sistem pesanan

ringkas (SMS), di sini, semalam.

Adnan berkata demikian ketika mengulas mengenai hala tuju bauksit di negeri ini yang diumumkan olehnya bersama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Dalam pada itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, pelan tindakan itu dirangka secara bersama Kerajaan Pahang serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

"Kita sediakan berdasarkan bidang tugas masing-masing, Kerajaan Pahang beri pandangan dari segi (undang-undang) tanah dan lombong, begitu juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mewakili Kerajaan Persekutuan, ia mengikut tugas mereka," katanya.